

KENYATAAN AKHBAR

Taman Refleksologi Hadiah Build Brigade Kepada Penghuni Rumah Seri Kenangan.

Perak, 8 Julai: Sebuah taman refleksologi yang indah itulah hadiah yang disampaikan kepada warga emas penghuni Rumah Seri Kenangan di Taiping, Perak pada bulan Ramadan ini.

Build Brigade merupakan program Tanggungjawab Sosial Korporat Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan penggiat industri pembinaan.

Taman refleksologi yang bernilai RM40,000 dibina oleh para pelatih Akademi Binaan Malaysia (ABM) Wilayah Utara hasil sumbangan CIDB dan para penggiat industri pembinaan.

Syarikat yang menyumbang dalam projek ini termasuklah Kencana HL Sdn Bhd (Sapura Kencana Petroleum), Malaysian Offshore Contractors Association (MOCA), Anjung Emas Sdn Bhd, Kamalbina Sdn Bhd, Seri Bumi Makmur Sdn Bhd dan Hajadi Sdn Bhd.

Pelaksanaan projek ini turut disokong oleh Institut Pengurusan Bitara (IPB) yang menyediakan rekabentuk lanskap dan juga turut mendapat sokongan padu Majlis Perbandaran Taiping (MPT) dalam menyediakan jentera-jentera yang diperlukan.

Pengarah CIDB Perak, Ismail Mat Nor berkata, sejak program Build Brigade ini dilancarkan pada tahun 2013 oleh Menteri Kerja Raya, Datuk Fadillah bin Haji Yusof, lebih 10 projek telah berjaya dilaksanakan oleh CIDB yang turut mendapat kerjasama semua pihak termasuklah agensi kerajaan dan swasta di negeri-negeri yang terlibat.

“Objektif utama program ini adalah untuk memberi khidmat kemasyarakatan bagi kerja-kerja membaik pulih bangunan dan infrastruktur atau kemudahan awam termasuklah menganjurkan program-program berkaitan pembinaan,” katanya.

Beliau berkata demikian, ketika berucap dalam majlis penyerahan sijil penghargaan kepada penyumbang projek Build Brigade untuk pembinaan semula lanskap dan kemudahan refleksologi Rumah Seri Kenangan sempena majlis berbuka puasa bersama penghuni rumah berkenaan di Taiping, Perak di sini hari ini.

Hadir sama dalam majlis itu ialah, Orang Kaya Menteri Paduka Tuan Wan Mohd Isa bin Dato Hj Wan Mohd Razali Orang Besar Jajahan Daerah Larut Matang dan Selama merangkap Pengerusi Lembaga pelawat Rumah Seri Kenangan Taiping dan Penguasa Rumah Seri Kenangan Taiping, Abdul Razak bin Yahaya.

Kesemua penyumbang iaitu, Kencana HL Sdn Bhd (Sapura Kencana Petroleum), Malaysian Offshore Contractors Association (MOCA), Anjung Emas Sdn Bhd, Kamalbina Sdn Bhd, Seri Bumi Makmur Sdn Bhd dan Hajadi Sdn Bhd akan menerima surat penghargaan daripada CIDB.

Antara lain projek-projek Build Brigade yang telah berjaya dilaksanakan CIDB dan industri pembinaan termasuklah membaikpulih pusat komuniti dan rumah penduduk Long Keluan di Sarawak; membaikpulih pusat komuniti penduduk Orang Asli Sungai Berua, Hulu Terengganu; membaikpulih tabika penduduk Orang Asli Pos Brooke di Gua Musang, Kelantan dan membaikpulih dewan masyarakat penduduk Orang Asli Sungai Minyak, Pahang.

Mengenai CIDB

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada profesionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Rakis Santa : rakis@cidb.gov.my 03-4047 6272 / 012-6200 360

Noryani Ismail : noryani@cidb.gov.my 03-4047 7027 / 019-285 6867